

Pelajar UKM, Waleed Basil berjaya tarik perhatian barisan juri panel hakim

Peserta Iraq paling menonjol



WALEED BASIL

Oleh **ROSYAHAIDA ABDULLAH**
rosyahaida@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, dekat sini, yang menjadi antara tarikan pelancongan negara boleh pupus dalam tempoh 10 tahun lagi jika tiada usaha bersepadu dilakukan untuk pe-

muliharaan serangga unik itu.

Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Alvin Hee Kah Wei berkata, kemungkinan itu boleh berlaku berikutan kemeriahan kelip-kelip di situ tidak lagi sehebat dulu.

Beliau berkata, berbanding beberapa tahun sebelum ini,

keindahan kelip-kelip umpama pesta hinggakan setiap pohon berembang yang menjadi tempat hinggap kelip-kelip pada waktu malam kelihatan seperti pokok Krismas.

“Inilah hakikat yang kita hadapi. Bagaimanapun, saya tidak melihat faktor iklim atau biologi sebagai punca bilangan hidupan eksotik ini

semakin menurun, sebaliknya perubahan terbabit disebabkan manusia itu sendiri.

“Sejak lebih 20 tahun lalu, kegiatan pembalakan berjalan lancar demi mengejar pembangunan, namun saya kira kita perlu seimbangkan juga kepentingan untuk ekonomi dan alam sekitar,” katanya.

buat kajian terlebih dahulu sebelum menyampaikan pidatonya.

Semasa gilirannya, setiap isi kandungan yang disampaikan penuh dengan fakta yang rasional dan realistik. Selain itu, penguasaannya terhadap bahasa Melayu sendiri begitu fasih dan dialek percakapannya sudah seperti lama mempelajari bahasa itu.

Waleed Basil ketika ditemui di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia dekat sini berkata, beliau membuat persiapan untuk pertandingan ini dengan bantuan rakan-rakannya dan pensyarah di UKM.

“Saya belajar di UKM dan pada kesempatan ini, saya belajar bertutur bahasa Melayu dengan kawan-kawan dan dengan bantuan pensyarah.

“Mereka banyak mengajar saya untuk menguasai bahasa Melayu terutamanya soal pemilihan dialek yang betul, penguasaan tatabahasa dan meneliti isu semasa yang berkaitan sekali gus boleh disentuh dalam teks ucapan pidato,” katanya.

Beliau berharap dapat masuk ke peringkat akhir sekali gus menjayakan misinya yang mahu membuktikan bangsa asing juga mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Aloise kuasai bahasa Melayu dalam sebulan

KUALA LUMPUR 23 April - Bahasa Melayu bukan bahasa yang sukar untuk dipelajari sekiranya ada kemahuan.

Ini dibuktikan oleh peserta pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM 2014) Piala Perdana Menteri dari Kenya, Aloise Karani Njeru yang fasih berbahasa Melayu walaupun baru sebulan memelajarinya.

Lebih menarik, Aloise, 31, tidak mengikuti sebarang kursus atau pengajian bahasa Melayu, sebaliknya hanya mempelajarinya di internet



ALOISE KARANI NJERU

khususnya menerusi laman YouTube.

"Saya belajar bahasa Melayu sendiri sahaja dengan menonton di YouTube dan membaca di internet. Malah, saya berlatih bercakap bahasa Melayu dengan bercakap seorang diri di hadapan cermin setiap pagi selepas bangun daripada tidur supaya lebih cepat menguasainya," katanya.

Aloise berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui selepas pertandingan suku akhir PABM 2014

di Dewan Besar Sultan Salahuddin Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Pemuda yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana di Universiti Katolik Parahyangan, Indonesia mengakui bahasa Melayu tidak sukar untuk dikuasai jika mempunyai kesungguhan.

"Saya mengambil masa dua bulan sahaja untuk menguasai bahasa Indonesia dan saya yakin saya boleh menguasai bahasa Melayu lebih cepat daripada bahasa Indonesia kerana lebih mudah.

"Saya mahu jadi bahasa Melayu sebagai bahasa kedua saya selepas bahasa Inggeris," katanya.

Arika gamatkan PABM dengan lagu *Makan*

KUALA LUMPUR 23 April - Peserta dari Jepun, Arika Yamaura mencuri tumpuan apabila menyanyikan serangkap lagu yang dipopularkan oleh Jalil Hamid berjudul *Makan* pada peringkat suku akhir pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2014 di Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Arika, 21, yang lengkap berpakaian tradisi kimono berwarna biru juga berjaya mencuri hati penonton dan juri dengan lenggok suaranya 'comel' semasa menyampaikan pidato bertajuk *Malaysia Syurga Makanan Dunia*.

"Mari dengar cerita pasal makan, di sini kita mewah dapat makan, negara lain kebulut tak makan, tetapi kita mati kerana banyak makan," antara serangkap lagu itu yang didendangkan oleh Arika sehingga mendapat tepukan gemuruh daripada

penonton yang hadir.

Ketika ditemui selepas itu, pelajar jurusan Bahasa Melayu di Universiti Bahasa Asing Tokyo itu memberitahu, idea untuk menyanyikan serangkap lagu itu diberikan oleh seorang kenalan internetnya dari Malaysia.

"Saya kemudian mencari lirik lagu tersebut dan menghafalnya untuk pertandingan ini kerana ia ada kaitan dengan tajuk pidato saya," katanya.

Menurut anak sulung dari dua adik beradik itu, dia berminat mempelajari bahasa Melayu selepas mendengar banyak cerita tentang keistimewaan negara ini daripada rakyat Jepun yang datang ke sini.

Katanya, ramai orang Jepun suka melancong dalam tempoh yang lama ke

Malaysia kerana tertarik dengan keindahan negara ini dan keramahan rakyatnya.

"Selepas tamat pengajian nanti, saya pun ingin bekerja dengan syarikat Jepun di Malaysia kalau ada peluang kerana saya suka negara ini," katanya yang menggemari ketupat.

Arika berkata, budaya rakyat ini yang paling menarik perhatiannya adalah amalan bermaaf-maafan di Hari Raya Aidilfitri sehingga menyentuh perasaannya.

"Semasa bercuti ke rumah kawan saya di Johor pada Hari Raya Aidilfitri dua tahun lalu, saya tertarik apabila melihat orang Islam saling bermaaf-maafan dengan keluarga dan sahabat. Amalan itu tidak ada semasa tahun baru di Jepun," katanya.



ARIKA YAMAURA